



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***INTEGRASI BAHASA MELAYU STANDARD DALAM DIALEK MELAYU
SARAWAK DAN BAHASA IBAN***

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK

FBMK 2015 51



**INTEGRASI BAHASA MELAYU STANDARD DALAM DIALEK MELAYU
SARAWAK DAN BAHASA IBAN**

Oleh:

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

May 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Selautan penghargaan buat insan yang teristimewa;

Bonda dan ayahanda tercinta,

Yahya Sawek bin Abang & Sabtuyah bt Hendri

Suami dan anakanda tercinta,

Fazul bin Abarahim & Faiz Naim

Adinda tersayang,

Ismail Adjahar

Nazaewana Sustrawan

Terima kasih atas segala-galanya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Noor Aina Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan, atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Radna Wismawati Muhibah Bt Yahya Sawek
GS 28131

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakuan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr.
Noor Aina Dani

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr.
Adi Yasan bin
Abdul Aziz

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Dr.
Raja Masittah binti
Raja Ariffin

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	v-vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Integrasi Bahasa	1
Latar Belakang Asal-usul Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak	3
Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak	6
Latar Belakang Masyarakat Melayu di Sarawak	7
Permasalahan Kajian	10
Persoalan Kajian	10
Hipotesis Kajian	10
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	10
Skop Kajian	13
Definisi Operasional	13
II SOROTAN LITERATUR	
Sorotan Kajian tentang Kontak Bahasa	15
Sorotan Kajian tentang Gangguan Bahasa	18
Sorotan Kajian tentang Sikap dan Motivasi	19
Pengaruh Bahasa Ibunda dan Bahasa Kedua Terhadap Pemerolehan Bahasa Pertama Pelajar	25
Faktor Persekitaran dalam Mempengaruhi Pemerolehan Bahasa	25
Kajian Tentang Pemindahan Bahasa dan Peranannya Dalam Mempertingkatkan Pemerolehan Bahasa	27
Kedwibahasaan dan Pemindahan Bahasa	28
Gangguan Bahasa	30
Gangguan Peralihan Kod	30
Gangguan Bahasa Pasar	30
Gangguan Persekitaran	30
Gangguan Dialek	30
Sorotan Kajian tentang Peminjaman Kata	31
Sorotan Kajian tentang Dialek	34
Rumusan	38

III	METODOLOGI	
	Reka Bentuk Kajian	41
	Kerangka Teori	41
	Kerangka Konseptual	47
	Kaedah Tinjauan	49
	Kaedah Temu bual	49
	Tempat Kajian	49
	Populasi Kajian	49
	Pendekatan Kajian	50
	Pemboleh ubah Kajian	50
	Alat Kajian	51
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	52
	Tatacara Kajian	52
	Kajian Rintis	52
	Pentadbiran Soal-Selidik	52
	Kajian Sebenar	53
	Penganalisan Data	53
IV	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	
	Keputusan dan Perbincangan	55
	Persembahan Dapatan	55
	Bentuk Fonik dan Leksikal Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak daripada Integrasi dengan Bahasa Melayu Standard	55
	Sikap dan Motivasi Penggunaan Bahasa Melayu Standard oleh Penutur Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak	73
	Menganalisis Unsur Serapan Kata Bahasa Melayu Standard yang Memacu Proses Integrasi Bahasa	82
	Tahap Integrasi Bahasa Melayu Standard dalam Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak	88
	Pembuktian Hipotesis	96
	Rasional Teori Kajian	97
	Implikasi Dapatan Kajian	100
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Rumusan	105
	Rumusan Rasional Teori	108
	Cadangan untuk Memupuk Integrasi Bahasa dalam kalangan Masyarakat Peribumi di Malaysia Timur	108
	Cadangan Penyelidikan Selanjutnya	109
	Penutup	110
	BIBLIOGRAFI	111

LAMPIRAN

Lampiran A: Soal-Selidik	118
Lampiran B: Swadesh List	121
Lampiran C: Petikan Teori Weinreich	134
Lampiran D: Kata Melayu yang diserap dalam bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak	140

**BIODATA PELAJAR
SENARAI PENERBITAN**

143
144



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Empat Pendekatan Motivasi	20
3.2	Model Bentuk Fonik dan Leksikal Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak	43
3.3	Populasi Kajian	50
4.1	Profil Sampel Kajian	55
4.2	Perkaitan Kata-kata Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak yang Mirip Bahasa Melayu Standard Selaku Kata Kognat berdasarkan Senarai Swadesh	64
4.3	Sikap Penutur Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak terhadap Bahasa Melayu	76
4.4	Motivasi Integratif Penutur Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak terhadap Bahasa Melayu	78
4.5	Motivasi Instrumental Penutur Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak terhadap Bahasa Melayu	80
4.6	Faktor Sociolinguistik yang Memacu Proses Integrasi Bahasa Sumber ke dalam Bahasa Penerima	83
4.7	Integrasi Bahasa ke dalam Bahasa Penerima (Iban dan Dialek Melayu Sarawak)	89
4.8	Tahap Integrasi BMS _t dan DMS	93

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak dalam Keluarga Bahasa-Bahasa Dayak	4
1.2	Salasilah bahasa yang menurunkan Bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak	5
3.1	Model Kontak Bahasa	43
3.2	Model Sosio-Pendidikan Pengambilan Bahasa Kedua	45
3.3	Model Sosio-Pendidikan	46
3.4	Kerangka Konsepsi	48
4.1	Sikap Penutur BIb dan DMS terhadap Bahasa Melayu	76
4.2	Motivasi Integratif Penutur BIb dan DMS terhadap Bahasa Melayu	79
4.3	Motivasi Instrumental Penutur BIb dan DMS terhadap Bahasa Melayu	80
4.4	Unsur Serapan Kata Bahasa Melayu Standard yang Memacu Proses Integrasi Bahasa	84
4.5	Perkaitan Antara Bahasa Melayu standard (Bahasa sumber) dengan Bahasa Iban (BIb) dan Dialek Melayu Sarawak (DMS)- (Bahasa penerima)	97
4.6	Model Sosio- Pendidikan Pengambilan Bahasa Melayu Sampel Kajian	100

SENARAI SINGKATAN

BMSt	Bahasa Melayu Standard
BIb	Bahasa Iban
DMS	Dialek Melayu Sarawak
BM	Bahasa Melayu
B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Doktor Falsafah

INTEGRASI BAHASA MELAYU STANDARD DALAM DIALEK MELAYU SARAWAK DAN BAHASA IBAN

Oleh

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK

Mei 2015

Pengerusi : Prof. Madya Noor Aina Dani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kontak bahasa sering dihubungkan dengan gangguan bahasa. Perkaitan sedemikian rupa menyerlahkan resapan bahasa yang dianggap negatif. Sebaliknya, penyelidik berpendapat resapan bahasa adalah sebahagian daripada proses integrasi bahasa. Bertitik tolak daripada permasalahan kajian ini, penyelidik menjalankan satu kajian dengan tujuan mengenal pasti integrasi bahasa menerusi bentuk fonik dan leksikal, faktor psikolinguistik, faktor sociolinguistik serta tahap integrasi bahasa Melayu sebagai bahasa sumber dalam bahasa Iban (BIb) dan bahasa Dialek Melayu Sarawak (DMS). Populasi guru pelatih dari kawasan Kuching, Kota Samarahan, Rajang dan Miri di Sarawak telah menjawab soal selidik. Selain tinjauan, penyelidik turut melaksanakan temu bual dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati bahawa bentuk fonik dan leksikal bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak yang terhasil daripada integrasi dengan bahasa Melayu Standard. Persamaan kosa kata asas bahasa Iban yang mirip bahasa Melayu selaku kata kognat adalah sebanyak 65 peratus, manakala untuk Dialek Melayu Sarawak hanya 72 peratus. Data daripada faktor psikolinguistik menunjukkan responden ialah penutur yang bersikap positif terhadap bahasa Melayu dan menunjukkan motivasi integratif. Data faktor sociolinguistik lebih tinggi, iaitu semua (100%) responden bersetuju bahawa jika ada bahasa dan idiolek yang bertindak sebagai simbol kepunyaan disusuli pengiktirafan masyarakat, ini akan menggalakkan minat yang kuat dalam kalangan pendatang untuk memperoleh bahasa Melayu. Pekali korelasi bagi pasangan pemboleh ubah bahasa Melayu dengan bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak adalah tinggi, iaitu negatif 0.998. Data ini ditafsirkan sebagai semakin banyak penutur bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak menerima kata serapan bahasa Melayu semakin berkurangan kosa kata asli bahasa ibunda mereka. Kesedaran tentang kebaikan integrasi bahasa untuk membina negara bangsa perlu dipupuk dengan mengadakan bengkel dan seminar kerana sikap responden yang mewakili masyarakat peribumi di Sarawak adalah positif terhadap bahasa Melayu.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

MALAY LANGUAGE INTEGRATION IN MALAY SARAWAK DIALECT AND THE IBAN

By

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK

May 2015

Chairman : Assoc. Prof. Noor Aina Dani, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Language contact has always been associated with language interference. Consequently, such association has been assumed as negative language transfer. However, the researcher believed that language transfer is a part of language integration process. Based on this problem statement, the researcher has conducted a study to identify the language integration through Phonic and lexical, psycholinguistic factor, sociolinguistic factor as well as the integration of Malay language as source language in Iban language and Malay Sarawak dialect. Student Teachers population from Kuching, Kota Samarahan, Rajang and Miri in Sarawak were chosen in this survey. Besides survey, the researcher also conducted interviews and observations. The research findings showed that phonic and lexical form of Iban language and Malay Sarawak dialect emerged from the integration of standard Malay language. The Iban Language basic vocabulary which has its similarity with Malay language in term of cognate words was 65 percent, while, Malay Sarawak dialect was only 72 percent. Psycholinguistic factor data showed that the respondents were speakers who possessed positive attitude towards Malay language and portrayed integrative motivation. Meanwhile, Sociolinguistic factor data showed higher which all respondents (100%) agreed that if there is any language and idiolect acting as a sign of belonging followed by community recognition, this would encourage strong interest among second language speakers to acquire Malay language . The relationship between Malay Language with Iban language and dialect of Malay Sarawak showed high negative correlation coefficient of 0.998. This suggested that the acceptance of the transfer of standard Malay language vocabs among speakers of the Iban language and Malay Sarawak may resort to native language attrition. Awareness about the benefits of language integration for the construction of nation state should be nurtured through workshops and seminars as the respondents were the representation of indigenous communities in Sarawak who were positive towards the Malay language.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah rahmat serta restunya yang dianugerahkan dapat juga saya menyiapkan tesis PhD. ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia saya, Prof. Madya Dr. Noor Aina Dani yang selama ini banyak memberi tunjuk ajar, membantu, dan memberi semangat serta dorongan yang padu dalam melahirkan insan yang berpendidikan padu dalam segala aspek keilmuan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz, dan Prof. Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin yang sudi menyelia dan memberi pandangan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, rakaman penghargaan ditujukan kepada Timbalan Dekan Siswazah, Prof. Madya Dr. Ain Nadzimah binti Abdullah dan Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Mua'ti @ Zamri bin Ahmad yang banyak membantu para siswazah dalam segenap hal.

Kepada kedua-dua ibu bapa, suami, anak dan adik-adik tersayang, terima kasih kerana sudi memberi semangat dan dorongan yang tidak terperi sepanjang aku mengharungi suka-duka dalam menamatkan pengajian. Kini penat lelah selama ini sudah terbalas atas kehendaknya. Alhamdulillah.

Sahabat handai, rakan taulan, sahabat perjuangan, rakan-rakan yang lain diucapkan ribuan terima kasih dengan kerjasama, bantuan, dorongan dan semangat yang diberikan sepanjang pengajian ini dapat mengurangkan kesulitan dan kekangan dalam segala aspek. Perkongsian ilmu yang kita bina amatlah berharga buat kita semua. Ku mendoakan agar kalian semua berjaya dengan cemerlang dalam pengajian masing-masing. Insya Allah.

Terima kasih buat semua.

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK
MEI 2015

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Integrasi Bahasa

Integrasi ialah satu proses yang cuba menyatupadukan dan mewujudkan pembentukan kebudayaan kebangsaan yang tersendiri dalam masyarakat majmuk (Mohd Salleh Lebar, 1998). Dalam proses integrasi bahasa pula, unsur bahasa sumber diserap ke dalam sistem bahasa penerima sehinggakan sifat kata bahasa sumber yang asli sukar untuk dikesan. Jendra (1991), menerangkan jika sesuatu unsur bahasa sumber telah diterima masuk ke dalam kamus bahasa penerima, dapat dikatakan bahawa integrasi sudah berlaku. Ekoran daripada itu, unsur bahasa sumber yang digunakan dalam bahasa penerima dianggap menjadi sebahagian daripada bahasa penerima, bukan lagi sebagai unsur pinjaman (Chaer & Agustina, 1995).

Dalam gagasan teori kontak bahasa, Weinreich (1953) menerangkan bahawa asal kejadian Integrasi bahasa bermula daripada fenomena gangguan bahasa, dalam istilah Inggeris disebut *interference*. Struktur leksikal yang menentukan gangguan bahasa ialah pemindahan kata, pelarasan fonik daripada kata kognat dan pengekalan kata asli selepas meminjam kata yang setara daripada bahasa sumber. Seterusnya, beliau menjeniskan integrasi kata pinjaman ke dalam bahasa penutur dwibahasa sebagai salah satu daripada struktur penentu gangguan bahasa. Rangsangan yang melahirkan integrasi kata pinjaman berpunca daripada ketidakseragaman struktur bahasa sumber dengan bahasa penerima. Jika sesuatu unsur gangguan bahasa berlaku berulang-ulang dalam pertuturan sekelompok orang, semakin lama unsur tersebut semakin diterima sebagai sebahagian daripada sistem bahasa mereka. Dalam keadaan yang sedemikian akan terjadilah integrasi. Gangguan bahasa masih dalam proses, sedangkan integrasi sudah diakui sebagai unsur bahasa sumber yang diserap ke dalam bahasa penerima (Weinreich, 1970). Ukuran yang diguna untuk menentukan integrasi sesuatu unsur bahasa sumber yang diserap ke dalam bahasa penerima ialah kamus. Dalam hal ini, jika suatu unsur serapan dalam bentuk kata entri sudah diguna dalam kamus bahasa penerima, unsur serapan itu telah melalui proses integrasi bahasa (Hayi, 1985).

Dalam penyelidikan ini, integrasi bahasa merujuk kepada penggunaan unsur bahasa Melayu Standard (selepas ini dikenali sebagai BMSt) secara sistematik seolah-olah merupakan sebahagian daripada bahasa penutur kaum Iban dan penutur kaum Melayu Sarawak tanpa mereka sedari. Dengan kata lain, unsur BMSt sudah diterima sebagai sebahagian daripada Bahasa Iban (selepas ini dikenali sebagai IBi) dan Dialek Melayu Sarawak (selepas ini dikenali sebagai DMS). Penyesuaian unsur bahasa Melayu (bahasa sumber) yang diserap masuk ke dalam IBi dan DMS (bahasa penerima) telah melalui proses integrasi dalam jangka masa yang panjang. Weinreich (1953), menegaskan bahawa jangka masa penyesuaian unsur integrasi bergantung pada tiga faktor, iaitu perbezaan dan persamaan sistem bahasa sumber dengan bahasa penerima, keperluan unsur serapan, dan sikap penutur bahasa penerima terhadap bahasa sumber.

Antara tiga faktor tersebut, sikap penutur bahasa penerima merupakan faktor terpenting dalam penyesuaian unsur integrasi bahasa.

Integrasi bahasa Melayu sebagai bahasa sumber ke dalam BIb dan DMS dianggap berstatus tinggi oleh masyarakat daripada pelbagai suku kaum sebagai bahasa pengantar yang penting. Beberapa contoh integrasi kata bahasa Melayu ke dalam BIb dan DMS yang diambil daripada data kajian penyelidik adalah seperti yang berikut:

Melayu Standard	Iban	Melayu Sarawak
makruh	maqrouh	makroh
kedai	kedey	kedey
makan	makai	makan
sampai	sampey	sampey
selamat	selamat	selamat

(sumber: Zuraini binti Seruji, 2014)

Berdasarkan contoh di atas, bahasa sumber ialah bahasa Melayu, manakala bahasa penerima ialah BIb dan DMS. Kaum Iban dan kaum Melayu Sarawak telah menyerapkan pelbagai kosa kata bahasa Melayu ke dalam bahasa ibunda masing-masing melalui proses integrasi bunyi dan imbuhan. Kata serapan bahasa Melayu melalui proses integrasi terjadi berperingkat-peringkat, bermula daripada generasi terdahulu kepada generasi kini.

Dalam kalangan penutur BIb dan DMS, faktor persekitaran memainkan peranan yang penting ke arah mempercepat proses integrasi bahasa. Apabila mereka berinteraksi dengan kaum-kaum lain, mereka menggunakan DMS sebagai bahasa perantaraan. Bahasa Melayu baku digunakan di sekolah hanya dalam jangka masa yang terhad. Sehubungan dengan itu, penyelidik memilih Teori Kontak bahasa yang dipelopori oleh Weinreich (1953) sebagai asas untuk mengkaji integrasi yang wujud dalam DMS dan BIb.

Kajian yang dibuat oleh James Collins (1987) dan Asmah Haji Omar (1986) mendapati penggunaan BMSt dengan BIb dan DMS merupakan salah satu daripada penyebab kejadian integrasi bahasa. Sewaktu bertutur dalam bahasa ibunda, terdapat unsur fonologi bahasa Melayu yang dipinjam ke dalam kata dasar bahasa ibunda. Satu ciri yang penting pada DMS yang tidak sama dengan BMSt ialah penyebutan konsonan plosif tak bersuara k yang boleh hadir di lingkungan sebelum kesenyapan. Ini menyebabkan DMS tersendiri dalam hal ini. Misalnya:-

BAHASA MELAYU STANDARD

Sarawak (?)
Kapak (?)
Minyak (?)

DMS

Serawak
Kapak
Minyak

Daripada contoh berkenaan, konsonan plosif k itu bagi bahasa baku disebut sebagai hentian glotis ? dan demikian jugalah dengan dialek-dialek lain di Semenanjung Malaysia. Bagi kita Sarawak, bunyi k dan ? itu nyata memberikan perbezaan makna kepada kata-kata yang diucapkan. Jelas k dan ? itu dua fonem yang berbeza dalam DMS.

DMS

Kerak
Kera?

Ajak
Aja?

Mabuk
Mabu?

BMSt

“Kerak Nasi”
“Kera”

“Mengajak”
“Saja”

“Mabuk”
“Dangkal”

Perbezaan dan persamaan juga boleh menggambarkan sejarah yang ditempuh oleh bahasa atau sesuatu dialek itu. Collins telah membandingkan DMS dengan BMSt dan Bib dengan BMSt.

BMST

Garu
Geli
Mandi
Tampi
Para

DMS

Garu?
Geli?
Mandi?
Tampi?
Para?

BIB


Garo?
Geli?
Mandi?
Tampi?
Parai

Persamaan di atas menunjukkan bahawa DMS dan Bib mempunyai hubungan yang dekat dengan BMSt. Oleh sebab bahasa-bahasa ini mudah dituturkan sudah tentu penutur kerap berinteraksi pada suatu jangka masa tertentu sehingga menyebabkan integrasi bahasa berlaku.

Dalam masyarakat dwibahasa yang kebanyakan penutur berkongsi pasangan bahasa yang sama, campur kod Melayu-Iban dan Melayu-Melayu Sarawak boleh dilihat sebagai cara untuk menyempurnakan sesuatu topik perbualan. Penutur yang tidak mematuhi peraturan tatabahasa mengurangkan jurang bahasa dengan penggunaan unsur leksis, fonologi, morfologi dan sintaksis sesuatu bahasa dalam bahasa yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa campur kod Melayu-Iban dan Melayu-Melayu Sarawak dilakukan secara sedar.


Latar Belakang Asal-usul Bib dan DMS

Berdasarkan perbandingan leksikostatistik, Dyen (1956) dalam Keraf (1984) menempatkan Bib dan DMS dalam satu rumpun Austronesia daripada subkelompok bahasa-bahasa Hesperonesia (bahasa-bahasa Indonesia Barat) yang menurunkan keluarga bahasa-bahasa Dayak. Penggunaan dasar yang seragam (kosa kata dasar) dan pengiraan secara leksikostatistik menghasilkan data yang lebih tepat. Rajah 1.1 menunjukkan kedudukan Bib dan DMS dalam keluarga bahasa-bahasa Dayak.



Rajah 1.1: Bib dan DMS dalam Keluarga Bahasa-bahasa Dayak(Sumber: Keraf, 1984)

Salasilah bahasa daripada Rajah 1.1 ditunjukkan dalam Rajah 1.2 yang berikut:



Rajah 1.2: Salasilah bahasa yang menurunkan Bib dan DMS

Bib dan DMS berasal daripada rumpun Austronesia. Istilah rumpun ditakrifkan sebagai satu kumpulan besar bahasa yang berasal daripada satu sumber. Dalam perkiraan linguistik sejarah, lama waktu atau usia sesuatu rumpun antara 2500 dan 5000 tahun. Daripada rumpun bahasa diturunkan keluarga bahasa, iaitu bahasa Melayu-Polinesia. Kemudian barulah wujud sub kelompok bahasa Hesperonesia yang menurunkan kelompok bahasa Dayak. Bib tergolong dalam kelompok Dayak Laut, manakala DMS tergolong dalam kelompok (Asmah Haji Omar, 2008).

Rumpun bahasa Austronesia di Malaysia merangkumi bahasa Melayu, bahasa-bahasa peribumi Sabah dan Sarawak, bahasa Jawa, Boyan, Aceh dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 1991). Dengan itu, dapatlah dikatakan bahawa Bib dan DMS berasal daripada rumpun Austronesia (Asmah Haji Omar, 1985).

Istilah 'Austronesia' dibentuk daripada unsur Latin, '*austro*', yang bermakna 'Selatan' dan unsur Yunani, '*nesos*', iaitu 'pulau'. Apabila kedua-dua unsur tersebut dicantumkan, istilah 'Austronesia' membawa makna 'Pulau-pulau Selatan'. Istilah tersebut pertama kali digunakan oleh sarjana linguistik bandingan, iaitu Wilhem Schmidt, yang pada abad kesembilan belas banyak meneliti bahasa dalam rumpun Austronesia dan bahasa yang terdapat di daratan Asia. Bahasa yang tersebar dari Famosa ke New Zealand, dan dari Madagaskar ke Kepulauan Easter diletakkan dalam rumpun Austronesia. Tidak dapat dikatakan dengan pasti jumlah bahasa yang termasuk dalam rumpun ini kerana di Indonesia sahaja terdapat lebih kurang 400 bahasa, di

Filipina ada sebanyak 250 bahasa, manakala di Malaysia kira-kira 50 bahasa (Asmah Haji Omar, 1985).

Rumpun Austronesia dibahagikan kepada empat keluarga, iaitu Indonesia, Melanesia, Mikronesia dan Polinesia. Empat keluarga ini menganggotai rumpun Austronesia berdasarkan ciri persamaan antara satu sama lain. Di samping persamaan terdapat juga perbezaan meliputi sistem bunyi, pembentukan kata dan ayat. Keluarga bahasa yang paling besar antara empat keluarga bahasa tersebut ialah keluarga Indonesia. Kawasanya merentasi Famosa di Utara, ke Kepulauan Filipina dan Maluku yang merupakan sempadan di sebelah timur, dan Pulau Timor di selatan, manakala di sebelah barat ialah Madagaskar. Kawasan bahasa Indonesia dianggap sebagai kawasan pusat bagi keseluruhan kawasan Austronesia (Asmah Haji Omar, 1985).

Pengelompokan secara kasar menunjukkan bahawa bahasa Melayu termasuk dalam kelompok Indonesia. Perkaitan bahasa Melayu dekat dengan bahasa-bahasa di Sarawak, Sumatera, Jawa dan sebagainya.

Latar Belakang Masyarakat Iban di Sarawak

Masyarakat Iban yang juga dikenali sebagai Dayak Laut berasal dari selatan barat Borneo, kini dikenali sebagai negeri Sarawak. Sarawak merupakan salah satu negeri yang merdeka di bawah pemerintahan British bersama negeri Sabah pada tahun 1963. Setelah itu, kedua-dua negeri tersebut menyertai Persekutuan Malaysia bersama Tanah Melayu dan Singapura (Asmah Hj Omar, 2008).

Masyarakat Iban diberi gelaran 'Dayak Laut' oleh Raja Putih, iaitu James Brooke pada lewat abad ke-19 disebabkan hubungan yang rapat dengan persekitaran di laut. Selain daripada itu, masyarakat Iban diberi nama 'Iban' oleh masyarakat Kayan, salah satu suku kaum peribumi di Sarawak. Nama 'Iban' disebut 'Ivan' dalam bahasa Kayan dan membawa maksud 'imigran' atau 'perantau' kerana masyarakat Iban paling berani dan agresif dalam kalangan penduduk peribumi lain (Sandin Benedict, 1967).

Dalam kalangan kaum Iban sendiri percaya mereka berasal dari Sumatera (Mohd Taib Osman, 1988). Ada pendapat yang mengaitkan BIb dengan bahasa Minangkabau kerana diftong di hujung kata yang terdapat dalam kedua-dua bahasa tersebut. Nik Safiah Karim (1988) menempatkan BIb dalam golongan Kalimantan termasuk Kenya kayan dan Melanau. Perkembangan BIb mempunyai sejarah tersendiri berbanding dengan bahasa-bahasa lain. Chemaline & Luna (2011) menegaskan bahawa BIb memiliki cabang penggunaan kata-kata yang bersifat kompleks dan memperlihatkan ketulenan warisan bangsa berbanding kaum lain.

BIb dikatakan mempunyai sifat homogen. Menurut Bellwood (2000), kaum Iban merupakan kumpulan etnik peribumi yang paling homogen, iaitu tidak bersuku-suku, menggunakan bahasa yang sama dan mewarisi nilai, tradisi, kepercayaan, adat resam serta kebudayaan yang sama. Chemaline & Luna (2011) menyatakan jumlah penduduk kaum Iban yang kian bertambah telah menjadikan BIb semakin penting seiring dengan matlamat komunikasi. Pendapat ini turut dikongsi oleh Gomes (1911), melalui pemerhatian semasa tinggal di bumi Sarawak. Corak kehidupan kaum Iban kian bertambah baik dari segi pemikiran, penjagaan kesihatan, dan pertanian setelah mereka mengutamakan aspek pendidikan. Para pelajar yang sudah berjaya menamatkan persekolahan di bandar kembali ke kampung sendiri dan menjadi contoh (*role*

model) kepada orang lain. Keadaan ini telah memberi impak positif terhadap Bib sebagai bahasa ilmu dan perhubungan dalam masyarakat Iban.

Di Sarawak, banyak institusi mengambil berat terhadap penggunaan Bib. Misalnya, institusi gereja, Radio Malaysia Sarawak (RTM) adalah antara dua buah institusi yang menggunakan Bib secara pesat hingga kini. Organisasi seperti *Tun Jugah Foundation* (TJF) berdiri teguh meningkatkan serta memartabatkan aspek kesusasteraan kaum Iban. Selain daripada itu, Majlis Adat Istiadat Sarawak turut memainkan peranan mereka mengkaji aspek salasilah, adat, budaya dan undang-undang dalam komuniti kaum Iban. Pertubuhan seperti *Sarawak Dayak National Union* (SDNU) dan *Sarawak Dayak Iban Association* (SADIA) berfungsi serta bekerjasama dengan institusi lainnya mempergiatkan usaha mereka dalam memartabatkan perkembangan Bib ke tahap yang tinggi.

Dalam aspek kesusasteraan, terdapat tiga kategori fungsi Bib merangkumi bidang informasi, hiburan dan adat resam (Padang Luna, 2011). Penggunaan Bib di sekolah dipergiat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pusat Perkembangan Kurikulum Malaysia sebagai bahasa yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Bib turut dinilai dalam peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kini dipelajari sehingga ke peringkat Diploma (Institut Perguruan Malaysia) dan peringkat Ijazah di Universiti, khususnya Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI).

Latar belakang Masyarakat Melayu di Sarawak

Masyarakat Melayu Sarawak lahir daripada migrasi dan persemendaan. Sifat ‘kepulauan’ Borneo itu sendiri memungkinkan berlakunya kegiatan pelayaran dan perdagangan secara berleluasa. Kegiatan ini membawa masuk pedagang-pedagang Islam dari Tanah Arab, dari Kalimantan, Brunei dan negeri-negeri lain di Kepulauan Melayu ke Sarawak. Perpindahan secara berkelompok berlaku. Pedagang Islam yang juga bergiat menyebarkan agama mereka, berjaya mengislamkan sebahagian besar daripada penduduk bumiputera Sarawak melalui pengislaman secara langsung dan perkahwinan. Komuniti yang dibentuk oleh percampuran pedagang Arab, India dan pendatang dari negeri-negeri Kepulauan Melayu dengan penduduk tempatan inilah yang melahirkan teras masyarakat Melayu Sarawak. Clayre (1970) menjelaskan tafsiran identiti Melayu yang amat liberal (yakni sesiapa sahaja yang bertutur bahasa Melayu, beragama Islam, berpakaian cara Melayu, mengamalkan adat kebiasaan orang Melayu dan menganggap dirinya sebagai orang Melayu) menggalakkan proses percampuran secara berleluasa.

Terdapat dua pendapat tentang asal-usul masyarakat Melayu Sarawak. Pendapat pertama menyusungalurkan orang Melayu Sarawak dari Minangkabau di Sumatera melalui tokoh lagenda Datuk Merpati. Pendapat ini didasarkan kepada persamaan adat antara orang Melayu Sarawak dengan orang Minangkabau dan persamaan golongan dalam ‘ABANG’ di Lampung Sumatera dengan ‘ABANG’ di Sarawak. Pendapat kedua menegaskan masyarakat Melayu Sarawak ini berasal daripada penduduk bumiputera tempatan yang telah diislamkan melalui pengislaman dan perkahwinan. Apabila seorang Temenggung dari Brunei dan seorang pedagang Minangkabau mendapat kebenaran untuk membuat penempatan berhampiran dengan penempatan Iban, di sungai Saribas pedagang-pedagang asing juga turut datang. Puak Seru, Bukit dan Bliun berjaya di Islamkan oleh mereka. Puak-puak inilah berserta dengan “orang

Melayu Saribas” yang tinggal di muara sungai yang menjadi teras penempatan Melayu di tempat itu.

Prinsip persaudaraan Islam, pandangan dunia dan budaya yang berteraskan al-Quran pada akhirnya menarik pendatang asing dan suku bangsa Melayu ke dalam satu masyarakat Melayu yang disebut masyarakat Melayu Sarawak. Mereka berhubung melalui bahasa yang sama, beribadat di tempat yang sama, mempunyai aspirasi dan cita-cita yang sama. Tidak lagi wujud komuniti orang Bawean (Boyan) yang bercakap dalam dialek Bawean. Orang Minang yang bercakap dalam dialek Minang. Tidak lagi terjadi pemisahan antara orang Gersik Surabaya dan Pulau (Sarasan, Natuna). Malah identiti Puak Bliun serta Puak Seru dan Bukitau terbaur ke dalam masyarakat Islam setempat. Yang wujud adalah orang Melayu Sarawak.

Bahasa yang dipertuturkan oleh orang Melayu ialah bahasa Melayu. Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan masyarakat alam Melayu tidak terkecuali Sarawak. DMS merupakan bahasa pertuturan di rumah dan di luar keadaan tidak formal. Apabila di dalam upacara rasmi dan penulisan bahasa Melayu persuratan digunakan. Sebagai bahasa pemersatuan, bahasa ini telah berjaya menyatukan kelompok dialek Melayu yang telah dituturkan oleh orang Bawean, Jawa, Minang, Kalimantan dan Brunei ke dalam satu bahasa.

DMS mempunyai kepelbagaian lenggok dan sebutannya. Dialek Melayu di kawasan Kuching tidak sama dengan dialek Melayu dituturkan di Saratok, Asajaya, Tanjung Bundong, Sebuyau dan kawasan-kawasan lain di Sarawak. Setiap kawasan mempunyai lenggok bahasa dan sebutannya berbeza. Perbezaan ini menjadikan DMS sebagai dialek unik. Apabila ke bandar Kuching pula, kita akan melihat kaum-kaum seperti Iban, Bidayuh dan Melanau menuturkan satu bahasa, iaitu DMS ketika berinteraksi sesama mereka.

Situasi tersebut berlaku kerana mereka lebih selesa menggunakan DMS ketika berinteraksi sesama mereka. Oleh itu, jika kaum Iban berinteraksi dengan kaum Melanau atau Bidayuh, DMS menjadi bahasa pilihan dalam komunikasi mereka. Fenomena ini telah menjadi sesuatu yang norma dan sering dilihat di sekitar Sarawak. Malahan, ada ketikanya kita dapat melihat kaum Cina akan menggunakan DMS dalam interaksi dengan kaum-kaum lain.

Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika dikatakan bahawa DMS menjadi medium perantara dan integrasi pelbagai kaum. Sarawak memang diketahui mempunyai pelbagai kaum, yang terdiri daripada kaum peribumi seperti Iban, Melayu, Melanau, Bidayuh, Orang Ulu dan kaum pendatang seperti Cina dan India. Kepelbagaian kaum ini menjadikan Sarawak sarat dengan adat resam dan budayanya. Kaum Melayu merupakan kaum ketiga terbesar di Sarawak selepas Iban dan Cina, manakala DMS menjadi bahasa utama bagi kaum Melayu di Sarawak menjadi bahasa utama bagi kaum Melayu di Sarawak.

Permasalahan Kajian

Kebanyakan teori integrasi yang penyelidik temui memberikan tumpuan kepada proses integrasi bangsa yang berhijrah ke negara baharu dan perpaduan dalam sesebuah negara. Teori yang dikemukakan oleh Hartmut Esser (2006) merupakan satu contoh teori integrasi bangsa yang berhijrah ke negara baharu. Banyak sorotan tesis hasil

tulisan pengkaji tempatan dan luar negara telah penyelidik lakukan, namun penyelidik masih tidak dapat melihat perubahan fonem dan leksikal yang berlaku dalam DMS dan BIb. Hal ini menyebabkan Weinreich (1953), menempatkan integrasi bahasa sebagai salah satu penyebab gangguan bahasa. Beliau telah membina kepercayaan bahawa penutur dwibahasa mengalami gangguan fonik dan leksikal yang diakibatkan oleh rangsangan-rangsangan tertentu. Oleh itu, penyelidik sukar untuk melihat perubahan fonem yang berlaku dalam DMS dan BIb memandangkan kesukaran untuk mengenal pasti titik rangsangan yang wujud bagi kedua-dua bahasa tersebut.

Gardner (2005) berpendapat bahawa sikap dan motivasi instrumental atau motivasi integratif saling sama mempengaruhi. Namun dalam penyelidikan ini, penyelidik mengenal pasti apakah yang memotivasikan masyarakat Melayu dan Iban apabila mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai medium pertuturan. Lazimnya, penutur BIb dan DMS yang cenderung kepada bahasa ibunda tidak banyak menyumbang dalam proses integrasi bahasa. Sebaliknya, penutur yang bersikap terbuka menganggap bahasa Melayu tidak mengancam kedudukan bahasa ibunda, bahkan menambahkan kosa kata yang sedia ada dan meningkatkan kemahiran lisan bahasa keduanya. Oleh itu, penyelidik ingin memastikan adakah benar faktor psikolinguistik seperti “siapa” yang memotivasikan penutur tersebut, atau adakah faktor-faktor lain seperti persekitaran tempat tinggal, masyarakat sekeliling, rakan sebaya dan pendidikan. Timbul pula permasalahan iaitu adakah penutur Iban dan penutur Melayu menggunakan BMSt dalam komunikasi seharian mereka. Seandainya kedua-dua penutur tersebut tidak menggunakan BMST apakah sikap mereka terhadap BMST, seterusnya jika mereka menggunakan BMST apakah persepsi mereka terhadap BMST tersebut? Hal ini merupakan permasalahan yang memerlukan penelitian yang terperinci.

Corak serapan yang berlaku dalam BIb dan DMS, diambil masuk dengan hanya menyesuaikan bunyi dan ejaan, jika perlu, supaya sesuai dengan bunyi dan sebutan bahasa ibunda. Sebahagian besar kata pinjaman diambil masuk melalui kaedah serapan. Penyerapan berlaku sepanjang masa, dan asal usul kata serapan berbeza mengikut perkembangan budaya sezaman. Lama barunya sesuatu kata serapan mendapat tempatnya dalam BI dan DMS dapat dilihat dari tabii bunyinya. Oleh yang demikian, proses integrasi kata bahasa Melayu ke dalam BI dan DMS mengalami kesukaran untuk dikaji kerana melibatkan corak serapan yang berlaku mengikut kerangka Weinreich (1953). Kajian ini juga dilihat sejauh mana serapan kata BMSt berjaya diintegrasikan dalam BIb dan DMS mengikut kerangka Weinreich (1953).

Konsep integrasi bahasa sering disalah erti kerana lebih daripada 90 peratus sampel kajian berpandangan bahawa percampuran kod itu merupakan integrasi bahasa. Ukuran integrasi bahasa disamakan dengan percampuran kod sedangkan percampuran kod merupakan gejala bahasa yang boleh mengakibatkan bahasa rojak. Dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa sumber oleh BIb dan DMS, percampuran kod mendapat berbagai-bagai jenis penampilan: ada yang betul-betul bercampur aduk seperti bahasa campuran dan ada yang hanya merupakan sisipan sahaja. Masing-masing berbeza ciri linguistik yang memberi identiti kepadanya, lama-waktu kewujudan setiap satunya, dan sikap masyarakat BIb dan DMS terhadapnya. Bahasa campuran dituturkan dalam perbualan, bukan dalam situasi rasmi.

Pada awalnya, ukuran integrasi bahasa berpunca daripada gangguan bahasa (*interference*) yang merupakan satu fenomena negatif dalam pertuturan pelajar dwibahasa (Weinreich, 1953). Pernyataan Weinreich ini adalah benar jika diambil kira

situasi pertuturan kaum Iban dan kaum Melayu Sarawak kerana bahasa Melayu bukanlah bahasa ibunda mereka.

Persoalan Kajian

1. Apakah jenis bentuk fonik dan leksikal Weinreich (1953) yang dihuraikan berdasarkan proses integrasi dalam bahasa sampel kajian?
2. Apakah faktor psikolinguistik ke arah bahasa Melayu Standard (BMSt) sebagai bahasa sumber?
3. Sejauh manakah unsur serapan kosa kata bahasa Melayu Standard (BMSt) mengalami proses integrasi dalam bahasa sampel kajian?
4. Sejauh manakah berlaku integrasi bahasa Melayu Standard (BMSt) dalam BIb dan DMS sebagai bahasa sumber dalam bahasa sampel kajian?

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian penyelidikan ini digarap daripada pembinaan persoalan kajian yang ketiga. Hipotesis alternatif dan hipotesis *null* penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

Hipotesis Alternatif:

Terdapat integrasi bahasa Melayu yang signifikan dalam bahasa ibunda kaum Iban dan Melayu Sarawak.

Hipotesis Null:

Tidak terdapat integrasi bahasa Melayu yang signifikan dalam bahasa ibunda kaum Iban dan Melayu Sarawak.

Objektif Kajian

Objektif kajian untuk penyelidikan ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti bentuk fonik dan leksikal BIb dan DMS yang terhasil daripada integrasi dengan bahasa Melayu Standard selaku bahasa sumber.
2. Menilai sikap dan motivasi penggunaan Bahasa Melayu Standard oleh penutur BIb dan bahasa Melayu Sarawak.
3. Menganalisis unsur serapan kata Bahasa Melayu Standard (BMSt) yang memacu proses integrasi bahasa sumber ke dalam bahasa penerima.
4. Menghuraikan tahap integrasi bahasa Melayu Standard (BMSt) sebagai dalam BIb dan DMS.

Kepentingan Kajian

Kerencaman kaum, bangsa, agama, bahasa dan budaya dalam sesebuah negara seperti Malaysia tidak menghalang rakyatnya untuk hidup dalam suasana aman, damai dan

harmoni. Dalam hal ini, keperluan terhadap satu bahasa, iaitu bahasa Melayu, penting dalam pelbagai penutur dialek dan bahasa sukuan. Model rujukan integrasi bahasa sumber-bahasa penerima masih boleh diperkaya lagi terutama dalam konteks masyarakat peribumi Sarawak. Penghasilan model bentuk fonik dan bentuk leksikal yang diadaptasi daripada Teori Kontak Bahasa Weinrich (1953) mengandungi integrasi bahasa sumber (BMSt) dengan bahasa penerima (BIb dan DMS) untuk memenuhi keperluan objektif satu.

Kajian ini penting kerana penyelidik berhasrat untuk mengenal pasti sikap dan jenis motivasi penutur bahasa penerima, iaitu penutur BIb dan penutur DMS terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa sumber dalam penggunaan bahasa seharian yang menyumbang ke arah proses integrasi bahasa di Malaysia Timur. Sikap bahasa adalah posisi mental atau perasaan terhadap bahasa sendiri atau bahasa orang lain (Harimurti Kridalaksana, 2001). Sikap bahasa sampel kajian menarik untuk dikaji kerana melalui sikap bahasa, penyelidik dapat menentukan kelangsungan hidup bahasa ibunda mereka.

Bagi masyarakat peribumi di Sarawak yang tidak menuturkan bahasa Melayu di rumah, sikap terhadap bahasa Melayu menjelaskan tindak balas mereka terhadap keadaan sekeliling. Suasana dalam dunia pekerjaan yang dialami ibu bapa membentuk tanggapan bahawa bahasa Melayu perlu dititikberatkan. Di Sarawak, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kerja (*working language*). Ibu bapa percaya peningkatan hidup memerlukan penguasaan bahasa Melayu. Tindak balas sebegini adalah didorong oleh motivasi instrumental yang bertujuan untuk mendapatkan peluang yang baik dari segi pendidikan dan ekonomi. Justeru, ibu bapa menggalakkan pertuturan bahasa Melayu untuk menyesuaikan dan melengkapkan diri anak-anak mereka dalam menghadapi arus kemodenan yang semakin mencabar. Secara tidak langsung, keinginan untuk memperoleh status sosial yang tinggi dapat menyemarakkan integrasi bahasa. Selain motivasi instrumental, masyarakat penutur BIb dan DMS kelihatan berminat dengan budaya dan nilai yang dibawa oleh bahasa Melayu. Situasi ini menjurus kepada motivasi integratif yang penting dikaji kerana integrasi bahasa wujud seiring dengan motivasi integratif.

Penyelidik perlu mencari kata serapan yang telah mengalami kehilangan ciri fonologi yang dibawa daripada bahasa sumber (bahasa Melayu). Kata serapan sedemikian sudah menjadi sebahagian daripada leksikon BIb dan DMS. Walau bagaimanapun, ada juga kata serapan yang dengan sifat yang sama masih mempertahankan beberapa ciri bunyi asalnya. Ini berpunca daripada sikap atau sentimen tertentu bahasa penerima. Misalnya, kata /syurga/ tidak diubah menjadi /surga/ atau /sorga/ meskipun sudah lama ada dalam bahasa ibunda penutur BIb dan DMS. Hal ini mungkin disebabkan kata berkenaan termasuk dalam kategori kata budaya tinggi. Samalah juga dengan kata /mesyuarat/ yang mempertahankan bunyi asal kerana kata ini menganggotai leksikon yang dikaitkan dengan kehidupan yang lebih canggih. Penyelidik perlu mencari bukti untuk memperkuat kenyataan ini. Sebagai contoh, kata /kerusi/ telah mengalami banyak perubahan bunyi dan jelas merupakan kata basahan yang digunakan sehari-hari untuk merujuk kepada sejenis perabot biasa. Sebaliknya, kata /mesyuarat/ lebih banyak digunakan dalam aktiviti sosial dan dilihat sebagai kata yang lebih canggih.

Setakat ini, masih belum ada penyelidikan lanjutan daripada mana-mana penyelidik tentang integrasi bahasa Melayu ke dalam BIb dan DMS. Penyelidik tidak menafikan bahawa terdapat beberapa kajian tentang BIb dan DMS oleh mubaligh Kristian dan pengkaji tempatan. Sekadar perbandingan, kajian yang diusahakan oleh penyelidik ini

bukan setakat memerihalkan fenomena integrasi bahasa, bahkan turut menjelaskan rasional kehadiran fenomena tersebut dalam bentuk campur kod dan fosilisasi seperti nafian, pemudahan dan generalisasi melampau. Ujaran yang menampilkan campur kod dalam satu ayat dapat dianalisis berdasarkan tiga hubungan, iaitu bahasa Melayu menjadi unsur utama, manakala BIb dan DMS sebagai unsur sematan, yang akhirnya bahasa Melayu dan bahasa ibunda membentuk susunan yang tidak dapat dipastikan sama ada menjadi unsur utama atau sematan.

Penggunaan bahasa Melayu dapat dikesan dalam pertuturan seharian sampel kajian dari aspek semantik, leksikal dan kata sapaan. Sebilangan leksis dalam ujaran bahasa Melayu seperti kata *cawan* dalam BIb membawa maksud ‘shawan’, manakala kata ‘makan’, disebut ‘makai’. Begitu juga dengan kata *cikgu* dalam BIb yang disebut ‘ciku’ dan kata ‘panjang’ disebut *panjay*. Dalam DMS, kata ‘telinga’ disebut ‘*tlinga*’, kata ‘enam’ disebut ‘*nam*’ dan kata ‘tulang’ disebut ‘*tulaang*’. Kata-kata ini tersebar secara meluas dan telah diintegrasikan ke dalam kosa kata bahasa ibunda penutur BIb dan DMS.

Data daripada bahasa-bahasa peribumi Sarawak dapat memberi gambaran yang jelas tentang pertalian kekeluargaan antara bahasa-bahasa tersebut. Misalnya, perbandingan ganti nama diri bahasa-bahasa berkenaan menunjukkan persamaan yang begitu besar yang tidak mungkin berlaku secara kebetulan atau yang terbit daripada hubungan yang jauh.

Kajian tentang integrasi bahasa membolehkan penyelidik membandingkan peminjaman mantap dengan peminjaman rambang untuk mencadangkan pembahagian antara istilah khusus dengan perkataan umum mengikut prinsip-prinsip Teori Kontak Bahasa yang diperkenalkan oleh Weinreich (1953). Daripada kajian ini, pembaca mendapat kesedaran bahawa bahasa berubah mengikut masa. Semua bahasa yang hidup tertakluk kepada proses perubahan yang berterusan setiap masa. Jika dibuat perbandingan dengan BI dan DMS, pembaca akan sampai kepada satu kesimpulan bahawa kedua-dua bahasa tersebut telah mengalami proses perubahan bahasa. BIb (BI) dan DMS (DMS) banyak menerima kata-kata Melayu melalui proses integrasi. Pada masa yang sama, bahasa Melayu telah menerima ke dalam kosa kata baku beberapa kata daripada BI dan DMS sebagai bahasa sukuan.

Integrasi dalam bahasa pada peringkat awal terjadi bermula daripada gangguan bahasa. Walaupun gangguan bahasa merupakan satu fenomena yang negatif dalam pertuturan pelajar dwibahasa, jika gangguan bahasa sudah dicantumkan dalam kamus bahasa penerima, dapat dikatakan unsur sesuatu bahasa sudah terintegrasi. Berpandukan Model Weinreich (1953), gangguan fonik boleh menghasilkan integrasi kata pinjaman bahasa Melayu Standard ke dalam BI dan DMS seperti yang berikut:

BIb

Aku
Sapa
Nipis
Telu
Pala

DMS

Batu
Tapi

Bahasa Melayu Standard

aku
siapa
tipis
telur
kepala

Bahasa Melayu Standard

batu
tapi

Sendok
Kedey
Saba

senduk
kedai
sabar

Kelainan dan keunikan Bib di Sarawak dan DMS di Sabah menjadikan komunikasi dalam kalangan masyarakat di Malaysia amat unik. Keadaan sebegini menjadi tarikan kepada pengkaji dari luar negara untuk mengkaji dan meneliti khazanah bahasa milik pelbagai bangsa di Malaysia.

Dialek dan bahasa sukuan yang banyak di Malaysia tidak diterokai dengan sebaik-baiknya dan memperkaya khazanah kosa kata bahasa Melayu. Usaha memasyarakatkan dialek dan bahasa sukuan perlu dilakukan oleh semua pihak dan bukan diletakkan pada bahu Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja. Penerokaan khazanah bahasa Melayu melalui pemanfaatan dialek dan bahasa sukuan perlu dilakukan secara berterusan kerana di dalamnya terkandung ilmu baharu yang mempunyai nilai tamadun tinggi yang mampu dijadikan sumber rujukan dan inventori ilmu yang berkait rapat dengan jati diri masyarakat di Malaysia.

Skop Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di empat buah kawasan, iaitu Batu Lintang, Kuching (kajian rintis), Bahagian Kota Samarahan, Bahagian Miri, dan Rajang (Kajian sebenar). Penyelidik memilih kawasan tersebut kerana majoriti penduduk terdiri daripada kaum Iban dan kaum Melayu Sarawak. Kajian ini dijalankan bermula pada 25 Jun 2012 hingga 25 Julai 2013 dengan menggunakan kaedah tinjauan dan pemerhatian.

Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kewujudan integrasi bahasa Melayu Standard sebagai bahasa sumber dalam bahasa ibunda (bahasa penerima) penutur Bib dan DMS berlandaskan Teori Kontak Bahasa oleh Weinreich (1953). Penyelidik akan menghuraikan jenis motivasi yang memacu integrasi bahasa dan kosa kata Melayu yang diintegrasikan dalam pertuturan seharian sampel kajian. Model bentuk fonik dan bentuk leksikal Weinreich (1953) diolah mengikut konteks situasi dalam masyarakat penutur Bib dan DMS.

Pengkaji meletakkan bahasa Melayu Standard sebagai bahasa sumber, manakala bahasa penerima ialah Bib dan DMS. Skop yang berkaitan dengan sikap terhadap bahasa Melayu merangkumi motivasi instrumental dan motivasi integratif. Pendedahan bahasa yang menyumbang kepada integrasi bahasa turut dikaji.

Definisi Operasional

Integrasi Bahasa

Integrasi bahasa ialah unsur-unsur bahasa sumber (bahasa Melayu) yang masuk ke dalam bahasa Iban (Bib) dan Dialek Melayu Sarawak (DMS) iaitu bahasa penerima dalam bentuk kata serapan yang telah menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa penerima.

Bahasa Melayu Standard (BMST)

Bahasa Melayu Standard (BMST) merupakan bahasa yang telah diterima oleh masyarakat penutur bahasa Melayu itu sebagai satu alat komunikasi yang seragam dan

diguna pakai dalam pelbagai konteks terutamanya dalam situasi formal. Bahasa Melayu Standard juga digunakan dalam situasi atau upacara rasmi dalam majlis-majlis umum atau di persidangan di sekolah-sekolah atau di Institusi pengajian Tinggi sebagai bahasa pengantar. Sistem bahasa Melayu Standard lebih menyeluruh kepada masyarakat kerana boleh difahami oleh semua penutur bahasa tersebut.

Bahasa Iban (Bib)

Bahasa masyarakat peribumi di Negeri Sarawak yang dituturkan oleh kaum Iban.

Dialek Melayu Sarawak (DMS)

Bahasa masyarakat Melayu di negeri Sarawak yang dituturkan oleh kaum Melayu Sarawak.

Kata Kognat

Perkaitan kata-kata bahasa Iban dan Dialek Melayu Sarawak yang mirip bahasa Melayu Standard selaku kata kognat diselaraskan dengan Senarai Kata Melayu Swadesh (2013).

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. (1987). *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abdullah Hassan. (1996). *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader. (1989). *Kesalahan bahasa dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdullah Musa. (2004). *Sikap dan Motivasi Pelajar Dusun terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua*. Bangi, Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad I. Ongohon. (1977). *Salah Faham tentang Dusun*. Tuaran. Persatuan Dusun Sabah Bersatu.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj. Sarudin (2009). Motivation to Learn A Foreign Language in Malaysia. *Gema Journal of Languages Studies*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob. (1990). Kajian sosiolinguistik bahasa melayu: Satu tinjauan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34 (12): 919-923.
- Alwasilah, A Chaedar. (1985). *Beberapa Madhab dan Dikotomi Teori Linguistik*. Bandung. Angkasa.
- Amat Juhari Moain. (1985). "Pembentukan Kata dan Istilah." *Dewan Bahasa*, 21(1):18-34.
- Appell, G.N. (1968). Ethographic Profiles of The Dusun Speaking Of Sabah. *Journal of Malaysian Branch Of Royal Asiatic Society*, Xli (2): 13-32
- Appell, G.N. (1976). The Kadazan Dusun Languages Of Northern Borneo. Rungus Kadazan Dusun and Related Problems. *Oceanic Linguistics* 7, 1-15.
- Arena Wati. (1978). *Kadazan Dusun*. Kota Kinabalu. Penerbitan Yayasan Sabah.
- Arpan Shahbudin Latip. (1998). *Bahasa Melayu: Kesilapan tatabahasa satu analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1997). Kaedah mengajar bahasa Malaysia: Perbendaharaan kata untuk sekolah rendah dan menengah. Dlm. Mohd Taib Osman (EDs.). *Pengajaran bahasa dan kesusteraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Asmah Haji Omar (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- AzmanWan Chik. (1989). Kesilapan penggunaan bahasa Malaysia oleh murid-murid Melayu. Dlm. Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim & Mashudi Kader (Eds.). *Kesalahan bahasa dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bali, K. (1966). *Memperkenalkan Sabah - Kadazan 100 Tahun*. Kelantan. Pustaka Aman Press.
- Bawa, I Wayan. (1981). *Pemakaian Bahasa Indonesia yang Baik dan Benar*. Den Pasar. Jurusan Bahasa dan Sastra Indonesia Fakulta Sastra Universitas Udayana.
- Bellwood, Peter. (2000). *Prasejarah Kepulauan Indo-Malaysia*. Edisi Revisi. Jakarta. Pt. Gramedia Pustaka Utama.
- Carroll, J.B. (1963). *A Model Of School Learning*. Teachers College Records. 64: 723-733.
- Chaer, Abdul dan Leoni Agustina. (1995). *Sosiolinguistik Perkenalan Awal*. Jakarta. Rineka Cipta.
- Chaer, Abdul. (1994). *Linguistik Umum*. Jakarta. Rineka Cipta.
- Chameline Osup & Padang Luna (2011). *Morfologi Jaku Iban. Malin Nembiak Enggau Pengajar*. Tanjong Malim, Perak. Pencetakan Salam Sdn. Bhd.
- Chong Shin. (2006). Bib dan Dialek Melayu Di Saribas. *Sarawak Museum Journal*. Vol Lxii No. 83 (New Series).
- Clayre, B.M. (1965-1966). A Comparison of Some Dialects of Dusun. *The Sabah Society*. 3: 3-12.
- Clayre, B.M. (1970). Focus : A Preliminary Survey Of Some Languages Of Eastern Malaysia. *The Sarawak Museum Journal*. Vol Xviii (36-37): 193-219
- Collins, J.T. (1987). DMS. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dyen, I. (1956). *Language Distribution And Migration Theory*. *Language* 32, 611 - 626.

- Ensiklopedia Bahasa Melayu (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Farid M. Onn Dan Ajid Che Kob (1981). *Pengaruh Bahasa Daerah Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu*. Monograf (Universiti Kebangsaan Malaysia. Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan) : 5.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. (1981). *Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fishman, Joshua A. (1991). *Reversing Language Shift : Theoretical And Empirical Foundations Of Assistance To Threatened Languages*. Clevedon : Multilingual Matters.
- Gardner, R.C. & Lambert, W.E. (1972). *Attitudes And Motivation In Second-Language Learning*. Rowley, Mass: Newbury House.
- Gardner, R.C. (1980). *On The Validity Of Affective Variables In Second Language Acquisition : Conceptual And Statistical Considerations*. *Language Learning*, 30 (2), 255-270.
- Gardner, R.C. (1985). *Social Psychology And Language Learning. The Role Of Attitudes And Motivation*. London : Edward Arnold (P.10).
- Gardner, R.C (2005). *Integrative Motivation And Second Language Acquisition. Canadian Association Of Applied Linguistic / Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk*, May 30, 2005: London, Ontario.
- Glazer, R. (1976). *Components Of A Psychology Of Instruction: Toward A Science Of Design*. *Review Of Educational Research*, 46, 1-24.
- Gomes, E. H. (1911) *Seventeen Years Among The Sea Dyaks Of Borneo: A Record Of Intimate* Dodo Press: Cornwall, United Kingdom.
- Harimurti Kridalaksana. (2001). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Pt. Gramedia
- Hartmut Esser (2006) *Migration, Language And Integration*. Berlin: Aki Research Review 4.
- Hayi, Abdul Dkk. 1985. *Interferensi Gramatika Bahasa Indonesia dalam Bahasa Jawa*. Jakarta. Pusat pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Inka Pekkanen (1979). *Some Consonantal Sound Changes In The Kadazan Dialects Of The Penampang, Papar And Beaufort Districts Of Sabah, Malaysia.* *Borneo Research Bulletin*, li(1) : 33-47.

- Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mahmood (2011). *Sikap dan Motivasi Murid Iban Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua*. Bangi, Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jendra.I Wayan.(1991). *Dasar-Dasar Sociolinguistik*. Denpasar. IkaYana.
- Keller, J.M. (1983). *Motivational Design Of Instruction*. In C.M. Reigeluth (Ed.). *Instructional Design Theories And Models: An Overview Of Their Current Status*. Hillsdale, Nj: Erlbaum
- Keraf, G. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta : Penerbit Pt Gramedia.
- Kong Yuan Zhi (1993). Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 37(8) : 676-685.
- Kridalaksanan, Harimurti. (1998). *Introduction To Word Formation And Word Classes*. Jakarta. Universitas Indonesia.
- Laman Sesawang DBP. September (2011), *Asal-Usul Dayak*. Dewan Bahasa.
- Latifah Othman (1990). Peminjaman Kata Lumrah Bahasa. *Pelita Bahasa*, 2(2): 48-49.
- Liew Siew Lin, Yahya Othman & Abd. Rasid Jamian. (2003). Kesalahan bahasa dalam karangan pelajar Cina sekolah menengah. *Jurnal bahasa*, 3 (2): 206-225.
- Malakun, Clarence D.Bongkok. (1981). Political Development In Sabah 1881-1981. In Anwar Sullivan And Cecilia Leong (Eds.) Pp. 140. *Commemorative History Of Sabah 1881-1981*. Kota Kinabalu : Sabah State Government.
- Media Sandra kasih. (2003). Analisis kontrastif dan keanekabahasaan. *Jurnal Bahasa*, 47, (10): 36-40.
- MohammedAzlanMis (2010). Lingua Franca Di Sarawak : Aplikasi Teori Pilihan Bahasa. *Gema Online Journal Of Language Studies*. 10(2). 97-116.
- Mohd Salleh Lebar. (1998). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*. Thinker's Library Sdn. Bhd, Selangor.
- Mohd. Taib Osman. (1988). *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nababan.P.W.J. (1984). *Sociolinguistik*. Jakarta. Pt Gramedia.
- Narayanan Kunchi Raman. (1993). Kesalahan bahasa dalam karangan bahasa Melayu murid-murid SRJK (T). *Jurnal Dewan Bahasa*, 37 (5): 18-20.
- Nathesan, S. (1994). Kosa Kata Bahasa Kadazan / Dusun. Satu Tinjauan Awal. *Dewan Bahasa*, 38(3): 223-238.

- Nik Safiah Karim (1988) *Sosiolinguistik Bahasa Melayu Dan Pengajarannya*. Petaling Jaya. Fajar Bakti.
- Noels, K. A; Clement, R; And Pelletier, L.G. (2001). *Intrinsic, Extrinsic, And Integrative Orientations Of French Canadian Learners Of English Canadian Modern Language Review*, 57 (2001), Pp. 424–442
- Noor Aina Dani (1996). *Pemindahan Bahasa dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-Pelajar Dusun*. Tesis Phd, Universiti Putra Malaysia.
- Noor Aina Dani. (2008). *Penguasaan dan Penyelidikan Bahasa*. Kuala Lumpur. Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Noor Aina Dani & Mohd Amin Arshad (2004). Teori dan Realiti Perubahan Bahasa. Daripada Bahasa Ibunda Kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 1(3): 409-451.
- Padang Luna (2011). *Morfologi Jaku Iban : Malin Nembiak Enggau Pengajar*. Tanjong Malim, Perak. Pencetakan Salam Sdn. Bhd.
- Pengiran Mahmud Bin Pengiran Damit. (1992). *Kesalahan Tatabahasa Dan Tanda Bacaan Pelajar-Pelajar Melayu Di Peringkat Sekolah Menengah Bawah Daerah Brunei Muara Dan Daerah Tutong: Satu Perbandingan*. Tesis Master. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Parera, J.D. (1990) *Studi Linguistik Umum dan Historis Bandingan*. Jakarta. Penerbit Erlangga.
- Patriantoro, Sumarlam, dan Inyo Yos Fernandez. (2012). Dialektologi Bahasa Melayu Di Pesisir Kabu Paten Bengkayang. *Kajian Linguistik dan Sastra*. Vol. 24 (1): 101-112.
- Postal, P. M. (1968) *Aspects Of Phonological Theory*. New York : Harper & Row.
- Pugh-Kitingan, J. 1989. Cultural Development In Sabah 1963-1988”. In Jeffery G.Kitingan And Maximus J. Ongkili (Eds.) Pp.367-370. *Sabah 25 Years Later 1963-1988*. Kota Kinabalu : Sabah Institute For Development Studies.
- Radna Wismawati Muhibah Bt Yahya Sawek. (2010). *Hubungan Motivasi Dengan Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Peribumi Sarawak*. Tesis Master. Serdang, Selangor: Universiti Putera Malaysia.
- Rita L. (2013) *Ilmu Watan Suku Kaum Kadazan Di Sabah, Malaysia. The Motherland Knowledge Of The Kadazan Dusun Tribal In Sabah, Malaysia*. Penampang. Kadazan Dusun Language Foundation.

- Rohaidah Kamaruddin. (2012). *Hubungan Faktor Ekstra Linguistik Bahasa Kedua Dengan Pencapaian Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Di Negeri Sembilan, Malaysia*. Serdang, Selangor. Universiti Putra Malaysia.
- Sandin, benedict (1967). *The sea dayaks of borneo before white rajah rule*. Macmillan, 1967: original from: the university of michigan.
- Saedah Siraj, Zainon Ishak, dan Tun Mohktar (1986). Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sunthanthiradevi A/PJ.N.Money. (2004). *Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu murid India*. (atas talian) http://www.mptk.tripod.com/rnd.devi_02.html (12/26/2004).
- Suwito. (1985). *Pengantar Awal Sociolinguistik: Teori dan Problema*. Surakarta. Henarycipta.
- Weinreich, U. (1953). *Language In Contact: Findings And Problems*. New York. Linguistic Circle Of New York.
- Weinreich, U. (1972). *Explorations In Semantic Theory*. The Hague. Mouton.
- Wiktionary.(2013). *Malay Swadesh List*. En.Wiktionary.Org/Wiki/Appendix: Malay Swedish - List.
- Woolfork, E. (1998). Bilingual Code-Switching And Syntactic Theory. *Linguistic Inquiry*, 14: 520-535.
- Yap Peng Liang. (1978). Kaum-Kaum Di Sabah. *Widya*16 (17). 58-61.
- Yashima, T. (2002). Willingness To Communicate In A Second Language: The Japanese Efl Context. *The Modern Language Journal*, 86 (1), 54-66.
- Zainal Abidin Bakar (1990). Peminjaman dalam Peristilahan : Bukan Sekadar Kata. *Pelita Bahasa*, 2(2): 20-21.
- Zainal Abidin Bakar (1993). Pengaruh Dialek Tempatan Dalam Penguasaan Bahasa Melayu Baku. *Dewan Bahasa*, 37(12): 1128-1135
- Zamri Mahamod. (2000). *Pemindahan bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua*. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44 (5): 602-615
- Zamri Mahamod, Bukari Kadam, Sabariah Samsuri & Rosmini Md. Salleh. (2005). Faktor-faktor psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Satu kajian kes dalam karangan pelajar India. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALI).

Anjuran Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 12-13 April 2005 di Bilik Seminar FSKK, UKM Bangi.

Zamri Mahamod & Shahrin Awaluddin. (2005). Kecekapan bahasa penulisan dalam kalangan guru sekolah asrama swasta. Satu analisis daripada aspek kesalahan bahasa. *Proseding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-4*, 245-258. Bangi. Penerbitan Fakulti Pendidikan UKM.

Zamri Mahamod, Norlela Abdollah & Zaleha Masiman. (2006). Pengaruh sikap dalam pembelajaran bahasa pertama dan kedua dalam kalangan pelajar bukan Melayu. *Proceeding of the National Conference on Sciences, Technology and Social Sciences*, 37-41. Jengka. Penerbitan UITM, Cawangan Pahang.

Zuraini Seruji. (2014) *Perubahan Kata Dalam DMSMengikut Generasi Penutur*. Tesis Phd. Serdang, Selangor. Universiti Putra Malaysia.

Zulkifley Hamid, Karim Haron & Saadia Ma'alip. (2000). Tahap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44 (1).